



MAJLIS

APRESIASI KECEMERLANGAN SPS 2018

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN
DAN PENGHARGAAN 2018
SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH

20 SEPTEMBER 2018 | KHAMIS | 2.15 PM
DEWAN INDERAPURA, PULAI SPRING RESORT,
SKUDAI

Agurcara Majlis

MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH 2018 *bagi pencapaian tahun 2017*

Dewan Kayangan, Pulau Spring Resort
20 September 2018 (Khamis)
2.00pm hingga selesai
Hawaii

Lokasi
Tarikh
Masa
Tema

2.00 - 2.30 ptg
2.30 - 2.35 ptg
2.35 - 2.55 ptg
2.55 - 3.00 ptg
3.00 - 5.00 ptg

Ketibaan Para Jemputan dan VIP
Bacaan Doa
Ucapan Aluan oleh Pengerusi SPS
Perasmian Pembukaan - MONTAJ
Persembahan dari Bahagian Pentadbiran dan
Kualiti Akademik & Unit Kewangan
Jamuan Makan
Cabutan Bertuah - Phase 1 / Tukar-tukar Hadiah
Sesi Penyampaian Anugerah (5 Kategori)
 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
 Anugerah Kepimpinan
 Anugerah Personaliti Terbaik
 Anugerah Sanjungan Budi
 Anugerah Khas
Persembahan dari Bahagian Pembangunan
Sistem dan Profesional
Cabutan Bertuah - Phase 2 / Tukar-tukar Hadiah
Persembahan dari Bahagian Program Pesisir
dan Khas
Sesi Penyampaian Anugerah (4 Kategori)
 Anugerah Khidmat Masyarakat
 Anugerah Sukan
 Anugerah Inovasi - Bahagian
 Anugerah Kualiti - Bahagian
Persembahan dari SPS Kuala Lumpur
Cabutan Bertuah - Phase 3 / Tukar-tukar Hadiah
Persembahan dari Top Management
Sesi Penyampaian
 'Anugerah Tokoh Jasamu Dikenang'
Penutup dan Bersurai
 Nyanyian Beramai-ramai lagu 'Memori Tercipta'
 Sesi Bergambar

Ucapan Afluah

PENGERUSI SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Sekolah Pengajian Siswazah sekali lagi dapat mengadakan Majlis Apresiasi Kecemerlangan SPS 2018 kali ke-7. Sebagai Penaung Jawatankuasa Induk Majlis Apresiasi Kecemerlangan SPS 2018 saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Majlis ini diadakan sebagai usaha dalam menghargai staf yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2017. Penghargaan ini merupakan pemangkin ke arah menggalakkan pencapaian staf seterusnya menyumbang kepada pembangunan Universiti dan memacu transformasi Universiti selaras dengan Misi dan Visi Universiti menjadi Universiti berteraskan pengajian siswazah. Secara amnya, penempatan kriteria untuk anugerah ini juga dari semasa ke semasa akan ditambah baik seiring dengan keperluan Universiti, Kementerian dan juga Negara. Kepada semua pemenang saya ucapkan tahniah dan syabas. Semoga kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada rakan-rakan lain untuk terus berusaha dengan lebih gigih lagi dan menetapkan sumbangan serta melipatgandakan usaha untuk kejayaan bersama.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada panel-panel penilai dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam majlis ini di atas segala komitmen dan usaha yang telah diberikan dalam memastikan kejayaan dalam pengurusan program ini amat dihargai. Akhir kata SELAMAT BERHOLA untuk semua !



Prof. Dr. Zaidatun Binti Tasir
Pengerusi
Sekolah Pengajian Siswazah

Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017



Prof. Madya Dr. Noor Hazarina

Seorang staf akademik yang menyantuni semua staf tidak kira jawatan. Amat disayangi atas sifat kelembutan yang dipaparkan. Walaupun tertekan dengan pelbagai urusan ad-hoc beliau tetap memberi senyuman serta nasihat dalam menangani segala permasalahan. Dikenali kerana selain tanggungjawab beliau sebagai Timbalan Dekan yang tegas, beliau juga adalah seorang Mak Supir yang berjaya.

Khairani binti Ibrahim

Beliau merupakan seorang Timbalan Pendaftar di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM KL. Beliau telah menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang bukan sahaja untuk ARO tetapi juga untuk SPS kerana kehadiran beliau di Aras 8, Menara Razak telah banyak membantu dalam menyelesaikan permasalahan urusan akademik di UTM Kuala Lumpur. Justeru itu anugerah ini diberikan kepada beliau atas sumbangan beliau kepada UTM dan SPS khususnya.



Anis Syahira binti Zulkifli

Beliau merupakan seorang Pegawai Penyelidik yang tersohor di SPS. Mula melapor diri pada 21 Ogos 2016. Pencapaian beliau dalam menguruskan audit amat membanggakan. Mempunyai komitmen yang tinggi dalam setiap tanggungjawab yang diberikan merupakan kekuatan utama beliau.

Muhammad Azim bin Arip

Staf lelaki tunggal yang berkhidmat di Bahagian Kewangan SPS. Seorang yang serius serta tegas dalam memberikan pendapat adalah senjata utama beliau. Walaubagaimanapun dalam ketegasan tetap ada kelembutan, sentiasa mesra dalam memberi pandangan dalam membantu urusan kewangan di SPS. Seorang yang telah lama berkhidmat bersama SPS iaitu sejak dari 4 April 2011.



Nor Hidayati binti Mokhtar

Beliau merupakan seorang Penolong Pegawai Tadbir yang berkhidmat di Unit Generik SPS. Kehadiran beliau telah banyak membantu dalam melicinkan proses pengurusan Generik. Usaha beliau yang komited dalam membantu semasa proses audit dijalankan ke atas program Generik adalah amat membanggakan dan sehubungan dengan itu beliau telah dipilih sebagai penerima anugerah.

Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017



Noraliza binti Tasiran

3 in 1 adalah panggilan kepada beliau. Seorang Setiausaha Pejabat yang amat cemerlang di dalam tugas yang diamanahkan. Untuk makluman beliau amat komited dalam memikul tugas sebagai PA kepada Timbalan Dekan, Pengurus IT dan Timbalan Pendaftar. Sifat beliau yang sering membantu serta tidak lokek untuk memberi kerjasama jika diperlukan juga amat disenangi ramai. Idea Pokok dan Kumbang adalah sinonim dengan beliau kerana itu adalah merupakan idea kreatif beliau bersama seorang lagi staf iaitu Bro Shahir.



Nur Fatimah binti Mustari

Beliau merupakan seorang staf yang amat komited dalam melaksanakan tugas. Mula melapor diri pada 7 Januari 2013. Dikenali sebagai, seorang staf yang comel ala Korean serta mempunyai suara soprano dan lantang, beliau juga merupakan seorang staf yang sangat rajin dan sentiasa membantu bukan sahaja untuk BPPHP tetapi juga untuk program-program yang dianjurkan oleh SPS.



Nur Suaida binti Alwee

Baru menamatkan zaman bujang pada September 2018! Merupakan seorang staf yang pemalu dan pendiam serta sangat tekun dalam menyiapkan urusan VIVA dibawah tanggungjawab beliau. Mula melapor diri di SPS pada 9 Februari 2013.



Nor Haizueslie binti Baharuddin

Mula melapor diri pada 8 September 2016 di SPS UTM Kuala Lumpur. Walaupun baharu menjadi ahli keluarga tetapi beliau amat cemerlang dalam melaksanakan tugas sekaligus melayakkan beliau untuk dipilih sebagai staf cemerlang SPS.



Muhammad Sabri bin Abdul Latif

Kepupusan staf lelaki amat terasa di SPS. Oleh itu kehadiran beliau dalam memeriahkan lagi suasana kerja di SPS amat dihargai. Sikap ringan tulang serta sentiasa tersenyum dan ketawa adalah senjata utama beliau dalam memastikan beliau adalah diantara staf yang layak untuk menerima anugerah.

Anugerah

KEPIMPINAN

—2017—



Nur Hakimi bt Karsono

Beliau merupakan seorang Pegawai Tadbir yang dikenali dengan penampilan yang menyenangkan walaupun kadang kala suara memanggil seperti interkom. Seorang yang amat berdedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam membuat slide pembentangan. Beliau juga seorang staf pentadbir yang menghormati staf lain dan selalu dijadikan tempat berkongsi pendapat dan sebarang masalah.

Anugerah

PERSONALITI TERBAIK
2017

Nor Azfalela binti Jamaludin

Mula melapor diri pada 13 Jun 2011. Beliau telah berjaya menonjolkan keperibadian yang baik dengan mematuhi segala peraturan sebagai penjawat awam. Sangat berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta amat membantu bahagian/unit lain jika diperlukan.



Nor Haidah binti Ramli

Beliau merupakan seorang staf yang mempunyai karakter yang tegas dan bernas dalam menyuarakan pandangan. Keyakinan serta focus dalam mengalas tanggungjawab yang diberikan serta patuh kepada peraturan sebagai penjawat awam membolehkan beliau dianugerahkan Personaliti Terbaik bagi tahun 2017.

Anugerah

KHAS
— 2017 —



Astisah binti Abu Samah

Seorang staf yang kreatif bukan sahaja dalam mengatur corak kerja seharian tetapi seorang staf yang mempunyai kemahiran yang tiada pada staf lain. Kepakaran beliau dalam bidang grafik amat membantu dalam melancarkan proses pemakluman maklumat kepada seluruh warga UTM. Telah memberikan sumbangan yang besar kepada SPS dalam penyediaan poster/banner/bunting untuk pelbagai majlis/pertandingan yang dianjurkan oleh SPS.

Anugerah

KHIDMAT MASYARAKAT
2017



Hamimah binti Nozari

Beliau merupakan seorang staf yang mempunyai personality yang tersendiri. Tidak suka melihat staf lain dalam kesusahan atau kesedihan beliau dengan segera bersedia untuk meminjamkan bahu untuk berkongsi. Seorang yang rajin dalam membantu staf dan pernah digelar TAUKE KEDAI 24JAM kerana apa sahaja keperluan yang staf perlukan di saat kecemasan In Shaa Allah beliau boleh penuhi. Itulah keunikan yang ada pada Pn Hamimah Nozari ...Terima Kasih !

Anugerah

SUKAN (LELAKI)
2017



Muhammad Asraf bin Azizee

Dikenali kerana aktif dalam menyertai pertandingan sukan yang dianjurkan oleh UTM. Selain dari itu beliau juga sangat aktif dalam menjadi tenaga pengajar senamrobik bagi warga UTM. Dengan kelebihan itulah masih tiada staf di SPS yang dapat menandingi beliau, maka dengan ini sekali lagi beliau diumumkan sebagai penerima anugerah Sukan LELAKI.

Anugerah

SUKAN (PEREMPUAN)
2017



Julianah Samion

Puan Juliana dikenali sebagai seorang staf yang mempunyai karakter yang lemah lembut tetapi aktif dalam menyertai pelbagai acara sukan di peringkat bahagian. Suka melemparkan senyuman walaupun tekanan kerja mengunung juga adalah merupakan salah satu karakter beliau yang amat dikagumi.

Anugerah

INOVASI

—2017—



Bahagian Pentadbiran dan Kualiti (PENTADBIRAN)

Anugerah Inovasi adalah anugerah yang diberikan kepada Bahagian yang berjaya dalam menghasilkan inovasi baharu dari segi penambahbaikan sistem, proses kerja selaras dengan keperluan semasa. Oleh itu anugerah ini diberikan kepada Bahagian Pentadbiran dan Kualiti (PENTADBIRAN) atas daya usaha mereka dalam menyusun atur serta menambahbaik pengurusan pentadbiran di SPS terutamanya bagi urusan pengrekodan fail dan penyusunan semula dokumen sulit di SPS. Usaha mereka juga telah membuahkan hasil apabila telah berjaya melepasi audit stor dan alat tulis serta audit keselamatan ruang melalui Audit Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan (OSHA) dengan mendapat ZERO NCR.

Anugerah

KUALITI
—2017—



Sekolah Pengajian Siswazah UTM KL

Anugerah Kualiti adalah anugerah yang diberikan kepada Bahagian yang telah berjaya memberi perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan terutamanya pelajar. Oleh yang demikian, bahagian yang dikenalpasti telah memberikan perkhidmatan yang sempurna, respon yang cepat serta proaktif dalam menyelesaikan aduan serta permasalahan akademik di UTM Kuala Lumpur maka Anugerah ini layak untuk diberikan kepada Pejabat SPS Kuala Lumpur atas sifat kerjasama serta kecekapan yang telah ditonjolkan oleh mereka. Untuk makluman penghargaan ini juga diberikan kepada team Pejabat TNCA UTM Kuala Lumpur kerana turut serta dalam membantu SPS menyelesaikan permasalahan yang timbul terutamanya yang melibatkan urusan akademik.

Anugerah

TOKOH JASAMU DIKENANG
2017



Prof. Dr. Aminaton binti Marto

Prof Aminaton Marto merupakan Pengurus Akademik di Sekolah Pengajian Siswazah. Telah menyumbangkan perkhidmatan selama 6 setengah tahun iaitu pada tahun 2002 hingga 2008. Untuk makluman sepanjang tempoh penglibatan beliau sebagai Pentadbir Akademik di SPS beliau telah banyak membantu program pengajian akademik bagi pelajar pasca siswazah terutamanya dalam pembangunan program PESISIR di UTM.



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN 2018 SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH

Urusetia Reka Bentuk Majlis Apresiasi Kecemerlangan SPS 2018
Mohd Jamsyeer Khan bin Jalaludin Khan
Pelajar Doktor Falsafah (PhD)
Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM

Untuk



HAKCIPTA TERPELIHARA SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH 2018
HAKCIPTA © SPS 2018

